

04 OCT 2002

MIC TETAP MAHU PELAKSANAAN BAHASA INGGERIS DI SRJK (T)

SUNGAI PETANI, 4 Okt (Bernama) -- MIC tidak mahu sekolah-sekolah Tamil dikecualikan daripada pengajaran mata pelajaran matematik dan sains dalam bahasa Inggeris, kata presiden parti itu Datuk Seri S. Samy Vellu.

Beliau berkata jika pengecualian diberi kepada sekolah Tamil ia akan menyebabkan para pelajarnya semakin jauh ketinggalan dalam penguasaan bahasa itu.

"Bagi MIC, kita menyokong pelaksanaan itu di semua sekolah Tamil," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan tambahan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Mahajothi di sini, hari ini.

Samy berkata demikian merujuk kepada laporan akhbar bahawa tiga kategori sekolah meminta dikecualikan daripada penggunaan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik.

Tiga kategori sekolah itu ialah sekolah-sekolah Cina, sekolah-sekolah yang tidak mempunyai guru tetap dan sekolah-sekolah yang kekurangan infrastruktur.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata di Melaka bahawa kerajaan akan tetap meneruskan dengan pelaksanaan pengajaran sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris di semua sekolah termasuk sekolah aliran Cina tanpa sebarang pengecualian.

-- BERNAMA

MZM PR